

MAHATHIR - KESTABILAN

KUALA LUMPUR, 11 DIS. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENINGATKAN SELURUH RAKYAT BAHAWA KESTABILAN POLITIK DAN KEGIGIHAN BEKERJA DI KALANGAN RAKYAT DAPAT MENJAMIN KEJAYAAN PEMBANGUNAN NEGARA.

KESTABILAN POLITIK SESEBUAH NEGARA BOLEH TERCAPAI JIKA SELURUH RAKYAT DAPAT MENGECAPI KEKAYAAN NEGARA DENGAN ADIL DAN SAKSAMA, KATANYA PADA MAJLIS MAKAN MALAM DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN CINA MALAYSIA BAGI MERAIKAN KEPULANGANNYA SELEPAS MELAWAT CHINA BARU-BARU INI.

BAGI MENGEKALKAN KESTABILAN POLITIK, KERAJAAN TELAH MENYEDIAKAN GARIS-GARIS PANDUAN DAN DASAR-DASAR TERTENTU UNTUK MEMASTIKAN KEKAYAAN NEGARA DINIKMATI OLEH SELURUH RAKYAT, TERANG BELIAU.

+JIKA KESAKSAMAAN ITU TIDAK TERCAPAI, PERASAAN TIDAK PUAS HATI AKAN TIMBUL DAN MENCETUSKAN PELBAGAI MASALAH SOSIAL DAN POLITIK,+ KATANYA. -- LAGI

2335MST 11 12 85

D640

U B227 DEB

MAHATHIR - KESTABILAN 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, KEKAYAAN SAHAJA TIDAK MEMBERI APA-APA MAKNA TANPA KESTABILAN POLITIK.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN YANG DIWAKILI OLEH PELBAGAI KAUM DI NEGARA AKAN BERUSAHA UNTUK BERLAKU ADIL KEPADA SELURUH MASYARAKAT TANPA MENGIRA KETURUNAN DAN AGAMA.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENEGASKAN ADALAH MUSTAHIL BAGI KERAJAAN UNTUK MEMUASKAN HATI SEMUA PIHAK, DAN PERASAAN TIDAK PUAS HATI PADA SATU PIHAK ITU ADALAH DISEBABKAB KERAJAAN MEMBERI KESEMPATAN KEPADA SATU PIHAK LAIN YANG TERTINGGAL BERBANDING DENGAN PIHAK YANG SATU LAGI ITU.

+JIKA SELURUH RAKYAT DAPAT MEMAHAMI HAKIKAT INI, SAYA PASTI MASA DEPAN NEGARA AKAN BERTAMBAH BAIK DAN PEMBANGUNAN NEGARA AKAN BERTAMBAH LANCAR,+ KATANYA. -- LAGI

2343MST 11 12 85

D643

U B228 DEB

MAHATHIR - KESTABILAN 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI KEADAAN EKONOMI NEGARA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PARA PENGUSAHA DI NEGARA INI MESTILAH MEMBANTU KERAJAAN MENGATASI MASALAH KEMELESETAN EKONOMI YANG SEDANG MELANDA SELURUH NEGARA.

+JIKA PARA PENGUSAHA MENGURANGI PERBELANJAAN YANG TIDAK DIPERLUKAN, MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DENGAN PERBELANJAAN YANG MINIMA DAN MEMPELBAGAIKAN HASIL PENGELUARAN, MASALAH INI BOLEH DIKURANGI JIKA TIDAK DIATASI SEPENUHNYA,+ TEGAS BELIAU.

PERDANA MENTERI MENCADANGKAN SUPAYA DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN CINA BEKERJASAMA DENGAN DEWAN PERNIAGAAN MELAYU MALAYSIA BAGI MEMPERLUASKAN PERNIAGAAN KE NEGARA CHINA. -- BERNAMA

2349MST 11 12 85